

KAIDAH PENULISAN

الخط العربي

KAJIDAH UMUM PENULISAN KHAT

3.1 Sebelum Menulis

a) Peralatan menulis:

Pena, kayu rosam dan sebagainya. Setiap pena mempunyai kelebihan masing-masing. Bagi yang ingin mendalami bidang ini, diharapkan menggunakan kesemua jenis pena. Pena tumbuhan memerlukan kemahiran mengasah. Pena mata besi yang biasa digunakan oleh penggemar seni ini ialah produksi Pilot, Steadlers, Osmiroid dan Platignum.





Pena mata besi

Kertas, buku latihan dan alas menulis. Sebaiknya gunakan kertas yang agak tebal, licin dan memudahkan pengeringan tinta. Kertas yang biasa digunakan ialah Art Paper, Mattart, Tracing Paper atau kertas biasa (seperti A4) 80 GSM ke atas yang licin serta tidak mudah mengembungkan tinta. Alas tulis digunakan sebagai penghalang kekasaran pada permukaan meja. Alas yang digunakan mempunyai garis/grid seperti contoh di bawah.




Tinta dibeli atau dibuat sendiri. Tinta yang terbaik ialah yang mempunyai kehitaman yang maksimum, cepat kering ketika di atas kertas, memudahkan pergerakan tangan saat menulis dan warna yang bersinar (shinning) selepas kering. Diantara tinta yang biasa dipakai ialah Rotring, Faber Castell, Calligraphy dan Sheppers. Tinta tidak boleh dibiarkan melekat pada mata pena khususnya mata pena besi kerana bisa menghalangi/ menyumbat aliran tinta saat menulis.



Buku Panduan dan latihan. Buku panduan yang terbaik ialah yang dihasilkan di timur tengah oleh penulis-penulis terkenal. Setiap buku panduan juga mempunyai pendekatan tersendiri mengikut iklim negara masing-masing.




b). Cara duduk dan Kedudukan kertas (dada menghadap ke meja dengan 180° :



c) Cara memegang pena:

- Pena yang digunakan berukuran mata 2.0 mm / 0.2cm
- Pena dipegang sesuai dengan kedudukan kertas 90°
- Keseluruhan mata pena menyentuh kertas.
- Pena dipegang dengan ukuran satu setengah inci dari awal mata pena





d) Suasana saat menulis:

- Suasana harus tenang dan nyaman
- Cahaya cukup serta tidak menghalangi ruang kertas
- Jarak penglihatan tidak terlalu dekat atau terlalu jauh
- Nafas yang teratur dan tidak penat

e) Psikologi menulis:

- Menulis dalam keadaan tenang
- Disertai minat menulis, bukan sekadar suruhan.

3.2 Saat Menulis

- a) Setiap huruf yang ditulis wajib mengikuti ukuran huruf (yang ditanda dengan ukuran titik)
- b) Setiap huruf atau kata yang ditulis wajib mengikut kaidah penulisan yang betul.
- c) Setiap tulisan disarankan diulang sebanyak 10 kali sebagai latihan.

DAFTAR PUSTAKA

Riyad Salih (1996), *Tarikh al-Kitabah al-`Arabiyyah* , Mekah: Universiti Umm al-Qura.

Riyad Salih dan Muhammad Hamid Sulayman (1985), *al-Marja` fi al-Kitabah al-`Arabiyyah*, Mekah: Universiti Umm al-Qura.

Sirajuddin AR, *Seni Khath Islam*. Jakarta : Pustaka Panjimas.

Samad Irhash A 1993. *Seni Kaligrafi Islam*. Bandung: Angkasaraya

Muhammad Hasim, 1990. *Kowaid al-Khat al-Araby*. Beirut: Dar al-Kalam